



Minat beli hartanah semakin meningkat

Minat pembelian hartanah pada separuh kedua 2020 meningkat kepada 53 peratus daripada 47 peratus pada separuh pertama, bergantung pada lokasi, kemudahan dan permintaan dan penawaran.

Ia juga tertakluk kepada harga dan pergerakan pasaran, demikian menurut kajian PropertyGuru.

Pengurus Negara bagi Malaysia, Sheldon Fernandez, berkata walaupun lebih ramai rakyat Malaysia menyatakan niat untuk membeli hartanah selepas COVID-19, namun bakal pembeli terutama pelabur cenderung menangguhkan keputusan pembelian mereka bagi jangka pendek.

"Ada faktor yang jelas bagi pelabur dalam pasaran baharu terutama syarat sesuai dengan mereka, yang merangkumi kadar faedah rendah, potongan dan pe-

ngecualian duti setem yang mereka boleh nikmati menerusi Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang sedang berlangsung sekarang sehingga separuh pertama 2021," katanya kepada *BERNAMA* dalam wawancara secara maya.

Beliau bagaimanapun berkata, berikutan ketidakpastian pasaran yang tinggi, khususnya ketika krisis COVID-19, sebilangan pelabur memilih pendekatan tunggu dan lihat untuk meneliti bagaimana situasi itu dalam jangka terdekat.

"Oleh itu, walaupun wujud peluang pembelian sehingga separuh pertama tahun depan (dengan HOC berlangsung sehingga 31 Mei 2021), kita mungkin melihat petunjuk lebih jelas dan kukuh pada 2021," katanya.

Sheldon berkata, berlandaskan pengajaran daripada sekatan per-

Ada faktor yang jelas bagi pelabur dalam pasaran baharu terutama syarat sesuai dengan mereka, merangkumi kadar faedah rendah, potongan dan pengecualian duti setem yang mereka boleh nikmati menerusi Kempen Pemilikan Rumah.

Sheldon Fernandez,
Pengurus Negara bagi Malaysia

gerakan akibat COVID-19, pembeli hartanah berpotensi kini lebih berhati-hati dalam menguruskan kewangan mereka dan melaksanakan usaha wajar secara teratur.

Kajian itu mendapati 57 peratus akan menangguhkan pembelian hartanah pada 2021 untuk tujuan kediaman sendiri dan pelaburan, sementara 37 peratus mempertimbangkan pembelian dalam tempoh separuh kedua 2020.

Sheldon berkata, kajian itu juga mendapati ciri rumah yang diutamakan rakyat Malaysia ialah pengudaraan yang baik dan pencahayaan semula jadi (63 peratus) dan kepadatan projek yang rendah (61 peratus).

Faktor utama lain juga merangkumi reputasi pemaju dan sambungan Internet berkelajuan tinggi susulan pengalaman bekerja dari rumah.